
	SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN (BAB D)	LAMPIRAN 2	
	TATACARA TUNTUTAN KEMALANGAN PERKESO	Versi : 5.0	Tarikh: 29/03/2021

1. Tatabara Membuat Tuntutan Kemalangan PERKESO

- 1.1 Sebaik sahaja kakitangan mengalami kemalangan, laporan polis hendaklah dibuat bagi mengesahkan kejadian berlaku.
- 1.2 Penyelia hendaklah segera memberitahu Jabatan Sumber Manusia untuk mendapatkan “Surat Pengenalan dan Akuan” sekiranya masuk hospital bagi melayakkan kakitangan mendapat rawatan di kelas-kelas yang ditetapkan oleh AIM dan bayaran dibuat oleh AIM.
- 1.3 JSM akan menyediakan Kenyataan Butir-butir Gaji atau Caruman (PKS : (F) 1) bagi enam (6) bulan sebelum kemalangan berlaku.
- 1.4 Penyelia atau kakitangan berkenaan perlu melaporkan kepada wakil PERKESO Tempatan dan dapatkan borang-borang berikut serta perlu diisi dengan lengkap:
 - i. Borang 21 (Laporan Kemalangan) – perlu diisi 3 salinan (salinan asal kepada PERKESO, salinan kedua kepada klinik panel atau hospital dan salinan ketiga disimpan oleh majikan).
 - ii. Borang 10 (Borang Tuntutan)
 - iii. Borang PKS : (P) 24 (Tuntutan Bayaran – Ganti Belanja Rawatan Perubatan)
- 1.5 Borang-borang yang telah siap diisi, hendaklah dikepilkan bersama-sama lampiran asal:
 - i. Laporan Polis
 - ii. Sijil Cuti Sakit **
 - iii. Resit bayaran Hospital **
 - iv. Laporan Doktor **
 - v. Peta Kemalangan (Lampiran kepada Borang 21 perkara 3F)
(** boleh dihantar secara berperingkat-peringkat apabila kakitangan masih dalam rawatan atau mendapat cuti sakit yang berterusan)
- 1.6 Semua dokumen-dokumen di atas (salinan asal) perlu dihantar ke Jabatan Sumber Manusia dan pihak Sumber Manusia akan menguruskan penghantaran dokumen-dokumen tersebut berserta borang PKS: (F)1 yang disediakan oleh Bahagian Kewangan ke pejabat PERKESO.
- 1.7 Borang 21 (salinan kedua), pihak Cawangan perlu kemukakan kepada klinik panel atau hospital yang merawat kakitangan berkenaan.
- 1.8 Perkara 1.5 di atas, perlu dihantar yang asal kepada Jabatan Sumber Manusia jika kakitangan masih mendapat rawatan. Manakala resit bayaran Hospital (bagi kakitangan yang mendapat surat akuan dan pengenalan), akan dibayar oleh AIM kepada pihak hospital. Pihak AIM akan membuat tuntutan kepada PERKESO melalui tuntutan kakitangan. Oleh itu kakitangan perlu membayar semula kepada AIM.

	SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN (BAB D)	LAMPIRAN 2	
	TATACARA TUNTUTAN KEMALANGAN PERKESO	Versi : 5.0	Tarikh: 29/03/2021

- 1.9 Jika berlaku sebarang kemalangan, kakitangan mestilah mendapat rawatan daripada Hospital Kerajaan atau Klinik Panel PERKESO untuk mendapat pampasan PERKESO. Pihak PERKESO tidak akan melayan sebarang tuntutan dari pencarum yang gagal mendapat rawatan Hospital ataupun engkar arahan yang diberikan oleh Hospital atau klinik.